



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI JURULATIH DAN GURU SUKAN TERHADAP ASPEK
KESELAMATAN DALAM PROGRAM SUKAN**

ANG KEAN KOO

FPP 1998 80

**PERSEPSI JURULATIH DAN GURU SUKAN TERHADAP ASPEK
KESELAMATAN DALAM PROGRAM SUKAN**

OLEH

ANG KEAN KOO

**Projek penyelidikan ini disediakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada keperluan untuk ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Disember 1998



Untuk

isteriku

Tan Jin Yin

dan

anak-anakku

Bin Jun

Bin Ting



PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Tuhan Yang Maha Kuasa lagi Pengasih kerana dengan limpa kurnia dan izin-Nya, saya sempat menyempurnakan penulisan projek ini.

Di sini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Tuan Sheikh Kamaruddin bin Sheikh Ahmad, selaku penyelia projek ini dan Puan Siti Hajar binti Haji Abdul Aziz, rakan sejawat saya yang banyak memberi teguran, bimbingan serta cadangan yang tidak ternilai harganya dalam proses menyiapkan penulisan kertas ilmiah ini.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Langat yang telah menyediakan perbagai kemudahan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Kepada para jurulatih dan guru-guru sukan daerah Hulu Langat yang sudi menjadi subjek dalam kajian ini saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih. Tanpa bantuan saudara / saudari kajian ini tentu tidak dapat saya laksanakan.

Akhir sekali, saya hulurkan kepada sesiapa sahaja yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak kerana memberi saya segala bentuk kerjasama dan bantuan. Saya doakan semoga budi dan jasa tuan / puan hanya Tuhan yang akan membalaunya.

**ANG KEAN KOO
DISEMBER, 1998**

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii

BAB

1 PENDAHULUAN	
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	8
Objektif Kajian	11
Hipotesis Kajian	12
Kepentingan Kajian	14
Batasan Kajian	17
Definisi Operasional	18
2 SOROTAN BAHAN KAJIAN BERKAITAN	
Konsep Persepsi	20
Tinjauan Kajian-kajian Lepas	23
Kajian-kajian Tempatan	23
Kajian-kajian Di Luar Negara	27
Kesimpulan	34
3 METODOLOGI KAJIAN	
Rekabentuk Kajian	36
Instrumen Kajian	37
Kajian Rintis	39
Lokasi Kajian	40
Pemilihan Sampel	41
Pengumpulan Sampel	42
Pengukuran Pembolehubah-pembolehubah Bersandar	43
Penganalisisan Data	49
4 DAPATAN KAJIAN	
Profil Responden	52
Jantina	52
Bangsa	53
Umur	53
Tahap Pendidikan Tertinggi	54
Bidang Pengkhususan	55
Pengalaman	56

KANDUNGAN

Muka Surat

Analisis Skor Min Dan Sisihan Piaawai Aspek-aspek Keselamatan Dalam Sukan	57
Aspek Persekutaran Yang Selamat	58
Aspek Bimbingan Dan Tunjuk Ajar	60
Aspek Pengawasan Yang Rapi	61
Aspek Pengetahuan Umum	63
Analisis Tahap Persepsi Jurulatih Dan Guru Sukan Terhadap Keselamatan Dalam Program Sukan	64
Tahap Persepsi Berdasarkan Jantina	64
Tahap Persepsi Berdasarkan Bidang Pengkhususan	65
Tahap Persepsi Berdasarkan Pengalaman	66
Perbezaan Tahap Persepsi Dengan Ciri-ciri Demografi	67
Tahap Persepsi Berdasarkan Jantina	68
Tahap Persepsi Berdasarkan Bidang Pengkhususan	69
Tahap Persepsi Berdasarkan Pengalaman	70
5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Perbincangan	71
Kesimpulan	77
Cadangan	81
Soal Selidik	81
Responden	82
Penyelidik	84
BIBLIOGRAFI	86
LAMPIRAN	
Borang Soal Selidik	92

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Item Bagi Setiap Aspek	39
2 Pemeringkatan Skor Kenyataan	44
3 Taburan Responden Berdasarkan Jantina	52
4 Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	53
5 Taburan Responden Berdasarkan Umur ...	54
6 Taburan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan Tertinggi	55
7 Taburan Responden Berdasarkan Bidang Pengkhususan	55
8 Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman	56
9 Taburan Min Dan Sisihan Piawai Setiap Aspek Keselamatan Dalam Sukan Secara Keseluruhan Mengikut Susun Atur	58
10 Skor Min Dan Sisihan Piawai Item-item Persekutuan Yang Selamat Mengikut Susun Atur	59
11 Skor Min Dan Sisihan Piawai Item-item Bimbingan Dan Tunjuk Ajar Mengikut Susun Atur	60
12 Skor Min Dan Sisihan Piawai Item-item Pengawasan Yang Rapi Mengikut Susun Atur	62
13 Skor Min Dan Sisihan Piawai Item-item Pengetahuan Umum Mengikut Susun Atur	63
14 Taburan Skor Aspek Keselamatan Mengikut Jantina	65

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
15	Taburan Skor Aspek Keselamatan Mengikut Bidang Pengkhususan	66
16	Taburan Skor Aspek Keselamatan Mengikut Pengalaman	67
17	Pengujian Hipotesis Kajian Tahap Persepsi Terhadap Keselamatan Berdasarkan Jantina	68
18	Pengujian Hipotesis Kajian Tahap Persepsi Terhadap Keselamatan Berdasarkan Bidang Pengkhususan	69
19	Pengujian Hipotesis Kajian Tahap Persepsi Terhadap Keselamatan Berdasarkan Pengalaman	70

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1	Hirarki Keperluan Asas Manusia	3
---	--------------------------------------	---

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Nama Penuh
MSSD	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah
MSSM	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia
MSSN	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri
MSSS	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Selangor
PJ	Pendidikan Jasmani
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SM	Sekolah Menengah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan ijazah Master Sains.

**PERSEPSI JURULATIH DAN GURU SUKAN TERHADAP ASPEK
KESELAMATAN DALAM PROGRAM SUKAN**

Oleh

ANG KEAN KOO

DISEMBER 1998

Penyelia : Sheikh Kamaruddin bin Sheikh Ahmad
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap persepsi di kalangan jurulatih dan guru sukan dalam program sukan terhadap keselamatan yang berdasarkan ciri demografi seperti jantina, bidang pengkhususan dan pengalaman. Subjek kajian terdiri daripada 45 orang jurulatih dan guru sukan sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Metodologi kajian berasaskan soal selidik berskala Likert ($\alpha = .8304$) dan data-data yang diterima daripada responden dianalisis dengan menggunakan pengaturcaraan "Pakej Statistik untuk Sains Sosial" (SPSS/PC).

Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhan jurulatih dan guru sukan mempunyai tahap persepsi yang tinggi. Mereka juga tidak mempunyai perbezaan yang signifikan ($p < .05$) pada tahap persepsi terhadap aspek keselamatan. Namun, jurulatih dan guru sukan lepasan program PJ dan yang berpengalaman mempunyai tahap persepsi lebih tinggi dalam semua aspek keselamatan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap persepsi amat penting dalam mengelakkan kemalangan atau kecederaan pada atlet dan pelajar yang terlibat dalam program dan aktiviti sukan di sekolah.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the
Degree of Master of Science.

By

ANG KEAN KOO

DECEMBER 1998

Supervisor : Sheikh Kamaruddin bin Sheikh Ahmad
Faculty : Educational Studies

This study was conducted to identify the depth of perception among trainees and sports teachers towards safety in sports which is based on demographic characteristics such as sex specialization and experience. The subjects involved in this study consists of secondary schools in the Hulu Langat District.

The study was conducted through questionnaire using the likert scale and the data received was analyzed using SPSS package.

The result of the study shows that as a whole. Most trainees and sports teachers have an in depth perception of safety in sports. They do not have any significant differences in their perception on this subject. However, trainees and sports teachers who have undergone the Physical Education course seem to have a higher perception in every

aspect of safety in sports. The study has also shown that it is indeed vital to have a high perception on safety in sports in order to avoid accidents or injury among athletes and students involved in sports programmes in schools.

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

"Semua pelajar sekolah seluruh negara diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya satu acara sukan bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam bidang ini."

(Utusan Malaysia, 9 Januari 1998)


Petikan di atas terdapat dalam pekeliling ikhtisas terbaru 1/1998 Kementerian Pendidikan Malaysia yang mewajibkan pelajar mengambil sekurang-kurangnya satu acara sukan. Menerusi pekeliling itu, pihak pentadbir sekolah diarah memastikan pelajar melibatkan diri dan diberi peluang memilih sama ada menyertai sukan untuk pertandingan atau sukan berbentuk rekreasi.

Penglibatan pelajar-pelajar dalam program sukan di dalam dan di luar sekolah adalah menggalakkan. Ada antara mereka yang bergiat aktif dengan mewakili rumah sukan, sekolah dan seterusnya mewakili daerah, negeri dan negara. Penglibatan pelajar-pelajar dalam bidang ini dapat memberi mereka keseronokan dan kepuasan di samping dapat mencapai tahap kecergasan yang optimum pada diri mereka. Penyertaan dalam sukan dan permainan turut membantu pelajar

berkenaan dalam permohonan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam. Sejak pengambilan sesi 1997/98, aktiviti kokurikulum menjadi syarat dan markah kredit akan diberi sehingga 10 mata.

Satu daripada masalah yang sering terjadi dalam program sukan adalah aspek keselamatan yang berhubung rapat dengan masalah kecederaan. Kecederaan boleh menjaskan minat dan prestasi pelajar bukan sahaja kepada pelajar yang tercedera malahan kepada orang lain. Satu kesan dan reaksi negatif terhadap program sukan akan timbul di kalangan ibu bapa pelajar, jurulatih, guru-guru sukan dan orang-orang awam.

Pelajar-pelajar yang lain juga akan merasa tidak selamat dan takut kerana mereka percaya kecederaan yang sama mungkin menimpa mereka jika mereka mengambil bahagian secara aktif. Perkara ini dapat diterangkan melalui peringkat-peringkat keperluan yang dikemukakan oleh Maslow (dalam Siti Hawa dan Ma'rof, 1990). Mengikut Maslow, manusia mempunyai keperluan berdasarkan peringkat-peringkat tertentu. Keperluan keselamatan diri ialah keperluan-keperluan seperti menjauhkan diri daripada ancaman dan kesusahan termasuk kecederaan. Peringkat-peringkat ini dapat ditunjukkan seperti dalam rajah 1.



Rajah 1 : Hirarki Keperluan Asas Manusia

Menurut Conn (1990), ibu bapa pelajar mempercayai bahawa anak-anak mereka akan dijaga dan dilindungi oleh guru sukan dan jurulatih dalam tempoh persediaan dan latihan kerana mereka percaya pada kepakaran guru-guru sukan dan jurulatih-jurulatih berkenaan.

Namun begitu, bilangan kes kecederaan dan kemalangan dalam sukan di sekolah masih kerap berlaku sehingga ada antara kes itu dibawa ke mahkamah.

Seperti yang ditunjukkan oleh Dougherty, Auzter, Goldberger dan Heinzmann (dalam Kenny, 1992) bahawa kebanyakan kes-kes di mahkamah yang melibatkan guru PJ dan jurulatih adalah disebabkan oleh kegagalan dalam memenuhi tugas profesional mereka dalam tiga bidang utama, iaitu :

- a) Tanggungjawab dalam membekalkan pemerhatian (supervision) yang efektif,
- b) Tanggungjawab dalam membekalkan aktiviti yang sesuai dan membekalkan arahan yang baik, dan
- c) Tanggungjawab dalam membekalkan keadaan persekitaran yang selamat dan sesuai.

Isu-isu tentang keselamatan dalam sukan telah banyak dibincangkan terutama di negara barat. Burrell (1979) dalam bukunya "Safety in School Sports" telah mengeneralisasikan beberapa sebab pentingnya menjaga keselamatan dalam sukan. Antaranya ialah:

- a) Mengelakkan kecederaan dan kemalangan,
- b) Meningkatkan keseronokan dan kepuasan,
- c) Menyelamatkan nyawa dan menghindarkan kematian,
- d) Meningkatkan keberkesanan prestasi.

Menurut Borkowski (1991) pula, keselamatan dalam bersukan dapat menambah keyakinan individu yang terlibat dengan terus bersukan tanpa mempedulikan segala gangguan. Keyakinan diri semasa bersukan ini akan terserlah dalam kehidupan dan aktiviti hariannya. Kemalangan atau kecederaan akan menghapuskan kepuasan bersukan di kalangan atlet. Keseronakan untuk mengambil bahagian akan berkurangan dan mungkin kekecewaan akan timbul kerana tidak dapat meneruskan permainan dan terpaksa berehat.

Kita sedia maklum bahawa program sukan melibatkan pelbagai aktiviti fizikal dan pergerakan. Bak kata orang, mencegah adalah lebih baik daripada mengubati. Oleh yang demikian, kebolehan jurulatih atau guru sukan dalam menunjukkan pergerakan sesuatu kemahiran latihan atau mengawasi dan membimbing semasa pertandingan adalah amat penting untuk menjamin keselamatan pelajar-pelajar dan atlet-atlet. Seseorang jurulatih atau guru sukan yang tidak berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang ini sudah pasti tidak dapat menjangka bahaya sesuatu pergerakan dan merancangkan program latihan yang sistematik yang mengambil kira aspek keselamatan.

Aspek-aspek keselamatan dalam sukan termasuklah memberi arahan yang jelas, memilih aktiviti fizikal yang sesuai dengan saiz badan, kematangan dan kebolehan yang bebannya tidak melebihi keupayaan atau kemampuan sistem badan pelajar-pelajar. Sekiranya jurulatih atau guru sukan tidak berkebolehan berbuat demikian, kecederaan akan lebih mudah berlaku dan keselamatan pelajar-pelajar dan atlet-atlet akan turut terancam.

Sebagai seorang jurulatih atau guru sukan yang cermat, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan persekitaran kawasan aktiviti yang selamat dan bebas daripada segala ancaman yang boleh mencederakan.

Tempat kemudahan sukan seperti gimnasium, padang dan balapan hendaklah sentiasa dalam keadaan selamat untuk aktiviti senaman atau sukan. Antara langkah keselamatan ialah memastikan kebersihan lantai dan tempat aktiviti terletak jauh dari jalan raya yang sibuk dan benda tajam seperti pagar duri. Tempat kemudahan sukan juga perlu mempunyai peti pertolongan cemas dan telefon.

Peralatan sukan yang digunakan semasa berlatih atau bersukan hendaklah selamat, bebas daripada kerosakan serta diselenggarakan dengan baik, sesuai dan betul penggunaannya. Penggunaan alat pelindung khas dan bersesuaian dengan saiz atlet dapat menentukan keselamatan dan mengurangkan risiko kecederaan mereka. Kita tidak boleh lalai dan mengambil ringan terhadap aspek ini kerana sebahagian kecederaan yang berlaku pada pelajar-pelajar dan mengancam keselamatan mereka adalah daripada aspek ini.

Satu lagi aspek keselamatan yang amat penting dan perlu diambil kira oleh guru sukan dan jurulatih di sekolah adalah penyeliaan. Pelajar-pelajar yang melakukan aktiviti fizikal tanpa pengawasan dan pengurusan yang rapi daripada guru sukan atau jurulatih boleh meningkatkan risiko mengalami kecederaan. Oleh itu, pengendalian sesi latihan dan kemahiran yang sistematik adalah penting dan akan memudahkan tugas guru sukan dan jurulatih bagi memastikan keselamatan pelajar dan atlet berada pada tahap optimum setiap masa. Kepatuhan kepada undang-undang permainan harus menjadi

sebahagian daripada aspek yang perlu ditekankan semasa latihan. Hal ini perlu sentiasa dinilai dan jika perlu undang-undang permainan itu dipinda bagi tujuan keselamatan atlet dan pelajar.

Aspek-aspek yang dibincangkan di atas juga dikemukakan oleh Barrett dan Gaskin (1990). Menurut mereka, jurulatih dan guru sukan mempunyai tanggungjawab terhadap tugasannya dalam membekalkan arahan yang sesuai mengikut tahap kematangan atlet, pemerhatian, alatan dan kemudahan yang selamat serta ansur maju dalam aktiviti. Ini adalah penting untuk menjaga keselamatan atlet dan membantu mengelakkan kecederaan dan kemalangan dalam sukan.

Kesemua aspek keselamatan ini adalah bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman yang ada pada seseorang jurulatih dan guru sukan. Oleh itu, keselamatan dalam sukan hanya terjamin dengan adanya jurulatih dan guru sukan yang bertauliah dan berpengalaman dalam bidang ini. Oleh yang demikian, program sukan di peringkat sekolah dan di luar sekolah tidak boleh diserahkan dan diambil alih oleh jurulatih dan guru sukan yang tidak terlatih dengan sewenang-wenangnya.

Pernyataan Masalah

Aktiviti fizikal merupakan aspek yang penting dalam kehidupan harian manusia. Manusia akan mengalami kesengsaraan jika tidak mempunyai keupayaan untuk melakukan aktiviti fizikal seperti sukan. Mengikut Larson (1976), aktiviti fizikal amat diperlukan dalam kehidupan. Jika organisma itu tidak aktif dari segi fizikal, badannya tidak akan berfungsi pada tahap yang diingini. Tanpa melakukan aktiviti fizikal seperti sukan, fungsi badan kita akan terus merosot sehingga boleh mengakibatkan kematian.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif untuk mewujudkan masyarakat yang sihat dan cergas serta produktif. Kementerian Belia dan Sukan telah menggalakkan sukan massa yang berlandaskan kepada konsep "Malaysia Cergas".

Dasar Sukan Negara (1988) menjelaskan "Malaysia Cergas" adalah berdasarkan konsep sukan untuk semua. Dasar ini bertujuan untuk mengalakkan rakyat untuk mengamalkan gaya hidup yang aktif melalui penyertaan dalam aktiviti sukan dan rekreasi untuk kecergasan fizikal dan mental, ke arah peningkatan produktiviti dan mengukuhkan perhubungan antara kumpulan etnik.

Penyertaan dalam aktiviti sukan sering dikaitkan dengan aspek keselamatan yang membawa kecederaan. Sesetengah kecederaan

sukan adalah ringan, iaitu rawatannya boleh dilakukan sendiri. Ada pula yang cedera parah serta memerlukan rawatan khas dan rapi. Manakala ada juga kecederaan yang sangat parah dan boleh membawa maut.

Memandangkan kes kecederaan sukan sering berlaku terutama di sekolah, adalah penting untuk mengesan punca-punca yang menyebabkan kecederaan ini. Kenyataan ini adalah berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Fisher, Mullins dan Frye (1993) di Amerika Syarikat. Kes-kes kecederaan sukan di sekolah sering dikaitkan dengan kewibawaan jurulatih dan guru sukan dalam persediaan dan latihan atlet.

Appenzeller (dalam petikan Blucker dan Pell, 1986) juga menekankan bahawa para jurulatih, guru-guru sukan dan pihak pentadbir di sekolah selalunya kekurangan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keselamatan ini yang boleh melindungi mereka daripada pendakwaan di makamah.

Dalam kajian Ford, Gordon dan Horsley (1993) atlet yang mengalami kecederaan telah mengenal pasti jurulatih mereka sebagai sumber sokongan sosial yang paling penting semasa pemulihan di samping keluarga dan kawan mereka. Oleh sebab itu, para jurulatih perlu sedar dengan peranan dan tanggungjawab mereka terhadap kecederaan atlet. Dengan cara ini, atlet mempunyai peluang yang lebih

cerah dan cepat sembah dari segi fizikal dan psikologi. Mereka dapat kembali mengikuti latihan dan pertandingan.

Daripada kenyataan-kenyataan dan kajian-kajian di atas, penyelidik berpendapat satu kajian perlu dijalankan berhubung dengan persepsi jurulatih dan guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam sukan demi mengenal pasti punca-punca kecederaan ini. Pembolehubah-pembolehubah yang diperhatikan dalam penyelidikan berhubung tahap persepsi terhadap aspek keselamatan ialah:

1. Sejauh manakah perbezaan latar belakang jurulatih dan guru sukan mempengaruhi tahap persepsi mereka terhadap keselamatan dalam program sukan?

2. Sejauh manakah jurulatih dan guru sukan mengambil berat terhadap keselamatan dalam program sukan?

3. Apakah aspek-aspek keselamatan yang kurang diambil berat oleh jurulatih dan guru sukan?

4. Apakah aspek-aspek keselamatan yang akan membezakan tahap persepsi antara para jurulatih dan guru-guru sukan.

Objektif Kajian

Aktiviti sukan di samping untuk mencungkil bakat dan menjadi juara, ia juga memberi keseronokan dan kepuasan kepada semua pelajar yang mengambil bahagian. Nyawa pelajar akan terjamin jika langkah-langkah keselamatan sentiasa dititikberatkan oleh para jurulatih dan guru sukan. Rancangan, pengurusan dan pengawasan yang rapi amat penting demi menambahkan keyakinan pelajar bergiat lebih aktif dalam sukan. Keyakinan diri ini juga akan terserlah dalam kehidupan dan aktiviti harian mereka.

Persepsi jurulatih dan guru sukan dalam aspek keselamatan amat penting kerana dari sinilah seseorang itu akan melahirkan pelbagai tindakan. Dengan tindakan-tindakan ini, kecederaan dalam sukan boleh dielakkan atau dikurangkan pada tahap minimum.

Sekolah-sekolah menengah yang cemerlang dalam sukan menjadi tumpuan kajian ini kerana mempunyai lebih ramai jurulatih dan guru sukan. Diharap dapatan penyelidikan ini akan membawa hasil yang nyata dan menguntungkan.

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengetahui tahap persepsi terhadap aspek keselamatan dalam program sukan di kalangan jurulatih dan guru sukan.